

MAEIIISMIN: '

. ■ ' : .0

IN PERJNDANGAN
MALAYSIA

KAHMJNGAN

JAWAPAN-JAWAP/J! E' AGI PERTANYAAN-PEIFiTAf FZAAII JA77AB
LISAN YANG TEDAK DAP AT DIJAWAB MBALAM DEWAN (3 O ALAN
NO. 6, 9 IBUNOOA 44)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN ®AGI SOALAN NO. 1 HINGGA § DAN 7, 8 SO
ALAN NO. 29 DIJAW A® SEKALI DENGAN SOALAN NO. 2

[RUJUK PENYATA MAS MI HAffIAN (HANSARD)]

PEMBERBTARUAR PERTARYAAR DEW AM RAKYA'f

PERYAMYAAN JAWAB LS8AN
IQ ARE PAD A : OiiA RARISASAKSY A/L
TAUSRH
ROALAR RAP.ARISARIY : AYARTARER

Rii\ Raimasmy a/i Palanisanw [Bata Rawan] rninta 1/iERTERI
PERC3AJ1AR TiRGGI menyatakan rnengapakah kedudukan prestasi universiti-
universiti a warn Malaysia semakin menurun dalam senarai universiti terbaik
antarabangsa dan apakah langkah- langkah yang diambil oleh Kementerian untuk
mengenal pasti punca-punca kemerosotan kualiti pendidikan di universiti tempatan serta
cara-cara untuk mengatasi masalah-masalah yang dikenal pasti tersebut.

JAWAPAW

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat beberapa sistem penarafan yang
menilai kedudukan universiti-universiti terbaik di dunia dengan menggunakan kriteria
yang berbeza-beza, antaranya:

- i. *THE-QS World University Ranking*, oleh majalah *Times Higher Education* (THE) di United Kingdom (UK) dengan kerjasama syarikat *Quacquarelli Symonds* (QS) dari tahun 2004-2009;
- ii. *QS World University Rankings 2009* oleh syarikat QS mulai tahun 2010 (setelah berpisah dengan THE);
- iii. *Times Higher Education World University Rankings* oleh THE mulai tahun 2010 (setelah berpisah dengan QS);

- iv. *The QS.com Asian University Rankings*, oleh syarikat *Quacquarelli Symonds* bermula tahun 2009;
- v. *The Webometrics Ranking of World Universities* oleh *Cymetrics Lab*, *Spanish National Research Council (CSIC)* sejak 2004;
- vi. *The Performance Ranking of Scientific Papers for World Universities* oleh *Higher Education Evaluation and Accreditation Council of Taiwan (HEEACT)* sejak 2008; dan
- vii. *The Academic Ranking of World Universities*, oleh *Shanghai Jiao Tong University* sejak 2003.

Bagi penarafan oleh *Times Higher Education World University Rankings (THE WUR) 2010-2011*, *THE* telah memohon kepada 600 buah institusi pendidikan tinggi seluruh dunia untuk mengemukakan data bagi tujuan saringan awal kajian prestasi (*initial survey*) dan analisis sitasi yang menggunakan pangkalan data *Thomson*.

Kelima-lima IPTA bertaraf *Universiti Penyelidikan (RU)*, iaitu *UM, USM, UKM, UPM* dan *UTM* tidak menyerahkan data mereka kepada *THE* untuk dinilai sepenuhnya kerana perubahan metodologi oleh *THE* yang masih baru dan tidak diketahui sepenuhnya parameter yang digunakan oleh IPTA terbabit. Oleh yang demikian, kelima-lima IPTA berkenaan tidak terlibat dalam kajian awal reputasi oleh *THE* dan ini menyebabkan institusi-institusi terbabit secara automatik tidak dinilai dan disenaraikan dalam penarafan *THE* tahun ini.

SO ALAN HO- 9

PEMBERITAMU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN
DAEPADA

LIS AN
YB DATUK HAJIYUSG--FF Bit I
HAJI MAHAL [LABUAN]

TAEIKH

ISHIH, 18 OKTOBER 2010

RUJUKAN
SOALAN

02 [PR-1233-L40068]

Datuk Haji Yusoff bin **Haji Mahal [Labuan]** minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR menyatakan sistem yang diguna pakai oleh Kementerian di dalam menentukan kedudukan penjawat awam yang menduduki jawatan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Operasi dan dua jawatan sokongan iaitu Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Operasi dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Labuan, Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) menggunakan **Pekeliling Perkhidmatan** Bilangan **Satxi** Talmn 2002, Jabatan **Perkhidmatan Awam (JPA) Malaysia** berhubung pelantikan dan penamatan perkhidmatan Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Berkanun.

Di Perbadanan Labuan **tidak wujud** sebarang jawatan Ketua **Pegawai Eksekutif** Operasi. Berdasarkan **Surat Kelulusan Per jawatan (SKP) Bil, S97** Tahun 2010 dan

Struktur Organisasi Perbadanan Labuan yang telah diluluskan oleh JPA, jawatan yang ada ialah Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) dan dua (2) jawatan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (TKPE) iaitu TKPE Perkhidmatan Perbandaran dan TKPE Pembangunan dan Pengurusan.

PERJAWATAN PERTAMAMA DEWAM RAKYAT

PERTAMAMA : L1SAM
JAWAPAN : IOAR CHARLEY AH11 3CMY A/L
R.SAMYSayu [**RLAKfi**]

TARIKH JAWAPAN : 18 OKTOBER 2010 (ISN1N)

DS DEWAM RAKYAT

SOALAN : MO/10

SOALAN

Minta CENTERS TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAM AIR menyatakan kesediaan Kerajaan untuk mengkaji dan melaksanakan konsep 'Eco-City' untuk mengatasi masalah perubahan iklim dalam jangka masa implementasi Rancangan Malaysia Ke-10.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

fte: 10

Sesebuah perbandaran hijau merupakan bandar yang direkabentuk dengan mengambilkira kesan terhadap alam sekitar, sosial dan ekonomi serta didiami oleh penghuni yang berdedikasi untuk meminimumkan penggunaan sumber- sumber (tenaga, air dan bahan-bahan), sisa-sisa buangan, pencemaran udara,

tanah dan air. Pembangunan perbandaran hijau di Malaysia adalah masih baru dan memerlukan promosi serta penguatkuasaan teknologi hijau / kaedah mesra alam yang mampan dalam pembangunan dan operasi sesuatu perbandaran. Penggunaan teknologi hijau juga diyakini dapat membantu mengurangkan kesan terhadap pemanasan global seterusnya perubahan iklim. Untuk mencapai objektif tersebut, ia memerlukan perancangan rapi dan berintegrasi terhadap sistem perkhidmatan dan operasi perbandaran tersebut.

Rangka kerja dan perancangan sedang dibuat oleh Kementerian saya bersama-sama dengan semua pihak yang berkaitan terutamanya Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan khususnya bagi menerapkan elemen-elemen teknologi hijau dalam perancangan pembangunan melalui satu garis panduan Perbandaran hijau. Garis panduan ini turut merangkumi aspek *livability index* dan *Greenhouse Gas (GHG) index* memandangkan ia akan memberi satu gambaran yang holistik.

Projek Perbandaran Hijau khususnya di Putrajaya dan Cyberjaya adalah projek perintis yang akan dilaksanakan secepat mungkin apabila kerangka/ garis panduan dan sistem penarafan perbandaran hijau diiktirafkan oleh pihak Kerajaan. Sebagai langkah permulaan, garis panduan/kerangka perbandaran hijau dan sistem penarafan perbandaran hijau akan siap sedia pada hujung tahun ini. Garis panduan/kerangka serta sistem penarafan ini boleh diguna pakai bukan sahaja di Putrajaya dan Cyberjaya tetapi di bandaraya lain di negara kita. Walau bagaimanapun, pihak berkuasa Putrajaya dan Cyberjaya telah mengambil beberapa langkah antaranya seperti berikut:

- (i) Projek menaiktaraf dan menghijaukan banguttsu P'firfena Putra;

- (ii) Projek kitar semula umiuk pnngkomposan sisa taman dan sisa makanan oleh Perbandaran Putrajaya;
- (iii) Local Agenda 21;
- (iv) Ponanaman pokok-pokok di sekitar Putrajaya;
- (v) *Focus f-'roup* Perbandaran Hijau di bawah program Putrajaya sebagai Bandar Contoh inisiatif oleh MAMPU bersama pihak berkepentingan;
- (vi) *Projek demonstrasi lampu taman menggunakan kuasa angin dan solar PV; dan*
- (vii) *Projek demonstrasi perhentian bas berkuasa solar PV (dalam proses pembinaan).*

Kerajaan menggalakkan semua pihak untuk turut bekerjasama bagi berkongsi idea, inovasi terkini serta amalan terbaik atau *best practices* berkaitan perancangan dan pembangunan bandaraya hijau di seluruh dunia yang mana ianya dapat dimanfaatkan untuk merealisasikan konsep Bandar Teknologi Hijau di Malaysia.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH DATO: 11
SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]
TARIKH : 18 OKTOBER 2010
SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa pihak Kementerian tidak menempatkan mesin dialisis kepada pesakit buah pinggang di kawasan luar bandar seperti di Klinik Bekenu, Sibuti dan di mana-mana klinik yang terletak di luar bandar bagi negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini pihak Kementerian Kesihatan belum boleh melaksanakan perkhidmatan haemodialisis di kawasan luar bandar seperti di Klinik Kesihatan. Ini adalah kerana perkhidmatan hemaodialisis atau Hemodialisis Unit (HDU) memerlukan kepatuhan kepada prosedur klinikal, kawalan infeksi, sistem rujukan dan juga penyeliaan secara terus dari pakar nefrologi disamping perkhidmatan sokongan untuk pembersihan, pelupusan sisa klinikal dan penyelenggaraan mesin dialisis. Juga bagi memastikan ianya kos-efektif satu Pusat Hemodialisis perlu mendaftar dan menawarkan sekurang-kurangnya kepada 16 pesakit atau 5000 dialisis setahun. Berdasarkan kriteria keselamatan yang sed'ia ada, hospital kerajaan dan swasta serta pusat HDU kini giat memberikan perkhidmatan dialisis.

Bagi negeri Sarawak, rawatan haemodialisis boleh didapati dari sembilan belas (19) buah Hospital Kerajaan di seluruh negeri Sarawak termasuk Hospital Miri. Bagi penduduk di kawasan luar bandar seperti di Bekenu, Sibuti, rawatan dialisis boleh didapati dari Hospital Miri, yang terletak 90km dari Bekenu dan juga dari pusat rawatan hemodialisis swasta (Malaysia Red Crescent Society) di Miri. Sehingga kini terdapat, hanya 100 orang pesakit dari kawasan sekitar Sibuti yang sedang menjalani rawatan

hemodialisis di Hospital Miri dan 20 orang pesakit; rii pusat rawatan hemodialisis swasta (Malaysia Fled C-resent Society). Secara selumhannya, terdapat 585 orang pesakit yang menjalani rawatan hemodialisis fJi Hospital Miri. (Sumber: Bahagian Perubatan, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak).

Walaupun, pihak Kementerian Kesihatan sedar akan keperluan perkhidmatan ini dikawasan luar bandar. Keperluan perluasan perkhidmatan haemodialisis boleh dipertimbangkan dengan menggunakan modaliti perkhidmatan dirumah bersesuaian dengan bilangan pesakit yang tidak ramai di kawasan luar bandar. Kaedah yang dimaksudkan ialah Peritoneal dialisis (PD), samada secara 'Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD)' atau 'Automated Peritoneal Dialysis (APD)' atau melalui haemodialisis di rumah atau 'Home Haemodialysis'. Kaedah-kaedah yang dinyatakan tadi boleh dilakukan di rumah ('home-based') kerana ia tidak memerlukan peralatan dialisis yang kompleks dibandingkan dengan HDU. Kaedah perkhidmatan dialisis di rumah telah bermula sejak tahun lapan puluhan lagi dan kini telah di lengkapi dan pertingkatkan dengan alat-alat dialisis yang lebih efektif.

Kos penyediaan dialisis di rumah adalah lebih rendah berbanding dengan menyediakan perkhidmatan melalui HDU di Klinik Kesihatan. Anggaran kos bagi kaedah CAPD bagi seorang pesakit setahun adalah sebanyak RM 20,900.00, kaedah APD adalah sebanyak RM 39,350.00, berbanding dengan kos bagi seorang menjalani hemodialisis di KK dianggarkan sebanyak 153,000 seorang setahun.

MM 2,

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA

DARIPADA DR. TAN SENG GIAW
PERTANYAAN LISAN

TARIKH 18.10.2010

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah dasar dari hal defisit bajet. Apakah keadaan defisitnya di dalam lima tahun ini dan usaha untuk menanganinya.

Jawapan:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan komited untuk melaksanakan dasar konsolidasi fiskal. Defisit fiskal telah dikurangkan daripada 5.3% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2002 kepada 3.2% daripada KDNK pada tahun 2007. Walau bagaimanapun, defisit fiskal telah meningkat kepada 4.8% daripada KDNK pada tahun 2008 berikutan kenaikan mendadak harga minyak mentah dunia yang menyebabkan peningkatan ketara dalam perbelanjaan subsidi yang ditanggung oleh Kerajaan. Pada tahun 2009, defisit fiskal telah meningkat kepada 7.0% disebabkan oleh perbelanjaan dua pakej rangsangan ekonomi untuk merancakkan aktiviti ekonomi domestik serta penurunan hasil Kerajaan susulan krisis kewangan global.

Tuan Yang Lii-Pertua,

Selaras dengan langkah perbelanjaan berhemat yang diamalkan oleh Kerajaan terriifiisul' tlahrn ntenyavvc-l perbelaiijaars 'driak kritikal, oietisit iiskal dijangka dapat dikurangkan kepada 5.8% daripada KDNK pada tahun 2010 dan 5.4% pada tahun 2011. Defisit fiskal akan dikurangkan lagi secara beransur-ansur kepada bawah 3% daripada KDNK pada akhir Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe- 10).

Tuan Yang Di-Pertua,

Sumber hasil Kerajaan adalah terhad. Sehubungan itu, pelbagai langkah telah diambil untuk meningkatkan lagi sumber hasil dan mengawal perbelanjaan dengan lebih baik dan cekap. Bidang pertumbuhan ekonomi akan diperluas dan dipelbagaikan termasuk 12 Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEA) di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP). Di samping itu, pentadbiran cukai yang cekap akan diberikan tumpuan. Selain itu, pemberian subsidi dikaji semula untuk mengurangkan ketirisan dan memastikan ianya dinikmati oleh golongan yang disasarkan. Konsep nilai untuk wang (*value for money*) akan dipertingkatkan dengan perancangan dan semakan perbelanjaan secara terperinci dan teliti serta amalan dan kaedah perolehan yang lebih baik. Di samping itu, peningkatan kualiti dan produktiviti dalam penyampaian perkhidmatan a warn akan terus diberi tumpuan oleh Kerajaan.

Perancangan projek pembangunan akan dilaksanakan secara *rolling plan* setiap dua tahun sekali dengan semakan dibuat setiap tahun. Langkah ini dapat mengambil kira perkembangan ekonomi yang terkini terutamanya harga komoditi dan persekitaran global serta memastikan projek dan program yang dijalankan adalah mengikut keutamaan semasa.

Tuan Yang Di-Pertua,

Dengan ini, jelas bahawa Kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup bagi kesejahteraan rakyat. Dengan langkah yang berhemat dan pengurusan kewangan yang cekap dan bertanggung jawab, kedudukan kewangan Kerajaan akan kekal terkawal dan terurus.

PEMBERITAHUAN PERTILIAHAN
MAMPUAN BERKAWAL

PERTANYAAN : LISAN
DITANYAKAN OLEH : Y.B. PAY UK ISAJI HAHARIJIVIL; IW MOHAMED
(SEKIJANG)
TARIKH : 13 OKTORER 2010
(ISNIN)

SOALAN

YM. 0&YW IKM BIN MOHAMED (SEKIJASWsi minta
CENTERS
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan sejauh manakah kesedaran rakyat Malaysia bagi mengitar semula (*recycle*) bahan-bahan buangan yang boleh dijejaskan alam sekitar.

mmmm

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berpendapat kesedaran rakyat Malaysia mengenai kitar semula pada keseluruhannya meningkat setiap tahun.

Pandangan ini adalah berdasarkan kepada data-data yang diperolehi daripada Pihak Berkuasa Tempatan (POD yang menjalankan program kitar semula. Data-data tersebut menunjukkan bahawa jumlah kutipan barangan kitar semula seperti surat khabar, kotak, kertas, kaca, aluminium, tin besi, plastik dan lain-lain telah meningkat daripada 511,000kg dalam tahun 2001 kepada 1.5 juta kg dalam tahun 2007. Dalam

hal ini Pelan Strategi Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan menganggarkan kadar peningkatan bahan kitar semula sebanyak 1% setiap tahun. Kerajaan yakin negara dapat mencapai sasaran kadar kitar semula di negara seperti yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) iaitu 22% menjelang tahun 2020.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan
Oktober 2010

PEMBERIHAUANI PERTAMAAM **DEWAM** RAKYAT

PERTAMYAARI : U8AM

DARIPADA : Y1B₀ TUAH iiOHid YUSiSADI EM MOHD
YUSOFF I BALS K PULAU]

TARIKH : 18 OKTOBER 2010

SOALAN : Hem Iota CENTERSPELANCQWGAW

snersyatakao:

Apakah perancangan Kerajaan untuk memanfaatkan **kelebihan Balik Pulau** sebagai pusat tarikan pelancongan dan bagaimana perancangan tersebut memanfaatkan,.. **penduduk selempat.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Balik Pulau merupakan satu kawasan di Pulau Pinang yang sememangnya terkenal dengan buah duriannya yang sedap rasanya dan harum baunya bukan sahaja di kalangan rakyat Malaysia tetapi juga di kalangan para pelancong asing terutama dari Singapura, China, Hong Kong, Indonesia dan Australia. Pada ketika ini terdapat seramai 1,500 pekebun durian yang melibatkan dalam tanaman buah durian seluas 3.8ha dengan jenis seperti Udang Merah D175, Labu D163, Hati Merah Ang Jirwdan Isi Merah D164 yang mendapat sambutan hebat oleh penggemar durian.

Oleh itu, Kementerian Pelancongan telah mengadakan Pesta Makan Buah Durian yang dilancarkan oleh Menteri Pelancongan pada 26 Jun 2010 pada musim durian. Acara ini telah menarik seramai 10,000 pengunjung yang termasuk para pelancong asing yang sedang bercuti di Pulau Pinang pada ketika itu.

Di kawasan Bafik Pulau juga terdapat tiga buah perkampungan homestay iaitu Homestay Jalan Baharu, Homaafay Taluk Bahang dan Homestay Pulau Belong yang

menyediakan seramai 47 orang penginapan homestay. Pada tahun 2019, perkampungan Homestay di Bafik Pulau telah dikunjungi oleh 469 pelancong asing dan 717 pelancong tempatan. Jumlah pendapatan yang diperolehi adalah RM90,882.00.

Kementerian Pelancongan melalui Tourism Malaysia juga mempromosikan kawasan Balik Pulau sebagai satu destinasi agropelancongan di mana para pelancong, terutama penginap di hotel-hotel berhampiran di kawasan Batu Ferringhi boleh mengadakan lawatan harian ke kebun buah-buahan seperti durian, buah pala, cengkik, kelapa dan sebagainya selain daripada perkampungan homestay.

Bagi meningkatkan daya tarikan kawasan Balik Pulau, Kementerian Pelancongan juga memperuntukkan sebanyak RM100,000 untuk menaiktaraf kawasan Balik Pulau. Peruntukan ini digunakan untuk kerja-kerja landskap dan pembinaan sebuah platform di Sereng bukit untuk memudahkan para pelancong menikmati keindahan pemandangan kawasan sekitar. Peruntukan sebanyak RM678,000 juga diperuntukkan untuk menaiktaraf kemudahan Homestay Jalan Bahru dengan penyediaan pentas terbuka dan kerja-kerja landskap bagi menarik lebih ramai penginap homestay dengan pelbagai aktiviti kebudayaan.

Tambahan kepada itu, Tourism Malaysia juga mengadakan 'Mega Familiarisation' sebanyak 7 kali pada tahun ini yang melibatkan seramai 280 peserta dari pihak media dan pengusaha pelancongan tempatan bagi mempromosikan keunikan daya tarikan Balik Pulau kepada penduduk Malaysia.

Di bawah RMK-10, Kementerian Pelancongan akan menyediakan peruntukan sebanyak RM 2 juta bagi meningkatkan kemudahan pelancongan di Taman Negara Pulau Pinang di Gunung Batu Hitam yang juga merupakan salah satu destinasi eko-pelancongan di Balik Pulau yang dapat menarik seramai 69,667 pelawat pada tahun 2009.

/ffiS IS

PEeIBEKIIAHU PERYAMYAAJJ
DEWAIM EAKYAT, MALAYSIA

: DAT OK EUR. JA2EAE EMEYIHAIYED
(PUEAI!)

PEEYAYYSYiE! : ESSAY

TAEKHi : 18,.10.2010

Da'Sylk Mur Jazlan Bio M©h@m@dl meminta MEMTERI KE WAN GAM menyatakan pecaSian jumlah cukai yang ditafsirkan dari aktiviti siasatan dan penalti yang dikenakan berbanding dengan cukai yang dikutip dari aktiviti taksiran biasa oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri sejak sistem taksiran sendiri diperkenalkan. Sila nyatakan jumlah kutipan sebenar uniuk tahun berkenaan.

JAWAPAW:

Tuan Yang Biperfua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah cukai yang ditaksir dari aktiviti siasatan dan penalti yang dikenakan bagi tahun taksiran 2001 hingga Jun 2010 adalah sebanyak RM6 bilion iaitu RM4 bilion daripada aktiviti siasatan dan RM2 bilion daripada penalti.

Mengenai kutipan cukai yang dikutip daripada aktiviti taksiran biasa oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sejak sistem taksiran sendiri diperkenalkan, jumlahnya adalah sebanyak RM591 bilion. Dari segi pecahan, jumlah cukai yang ditaksir dari aktiviti siasatan dan penalti berbanding dengan jumlah cukai yang dikutip daripada aktiviti taksiran sendiri, adalah satu peratus.

SOM.AM MCI i

MPiMM : iMm

mpmA : YM, TUAM ©OBfi^D SBMOH DEO
IPUCHQMQ)

TARM : 18 OCTOBER 201® (ISNIN)

SQALm:

Y.B. TUAM OOB1MD *BMGH* DEO (PUCC-TOG) minla MEGCTERI I&ERJA
!RAYA menyatakam apakah sebab-sebab kesesakan dan langkah-langkah
yang telah pun efiambil untuk mengatasi masalah kesesakan jalan di lebuhraya
bertol di Puchong dan sama ada Kerajaan telah pun membuat kajian
berkenaan masalah ini boleh diatasi dan sekiranya ada, apakah kajian ini
dan hasil kajian ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya
sememangnya sedia maklum mengenai isu kesesakan di Lebuhraya
Damansara Puchong (LDP), khususnya pada waktu puncak. Keadaan ini
berpunca dari peningkatan jumlah aliran trafik di laluan berkenaan
berikutan pertumbuhan pesat pusat-pusat komersial dan kawasan
perumahan baru di sepanjang koridor lebuhraya berkenaan, seperti di
Puchong dan bandar Sunway. Di samping itu, kesesakan ini turut
disebabkan oleh terdapat banyak jalan keluar masuk (*ingress and
outgress*) dari/ke lebuhraya berkenaan memandangkan LDP
mengamalkan sistem tol secara terbuka (*open system toll*).

Untuk mengatasi masalah kesesakan ini, Kementerian Kerja Raya
menerusi Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan syarikat konsesi
Lingkar Trans Kota Sdn. Bhd. telah melaksanakan beberapa langkah

proaktif bagi mengurangkan kesesakan tersebut. Antaranya dengan memperkenalkan sistem laluan kontra (*contra flow*) pada waktu puncak dengan kerjasama dari Poll's Di-Raja Malaysia (PDRM). Sistem laluan kontra ini telah dilancarkan pada 8 Mac 2010 dan setakat ini telah dapat mengurangkan masalah kesesakan, khususnya dari Plaza Tol Petaling Jaya Selatan menghala ke Puchong. Di samping itu, pada masa kini juga pihak syarikat konsesi juga sedang giat menjalankan kerja-kerja menaik taraf LDP, seperti dari Persimpangan Bertingkat Puchong Intan ke Persimpangan Bertingkat Kg. Baharu, Puchong, Persimpangan TTDI dan Persimpangan Surian. Pelaksanaan kerja-kerja menaik taraf ini apabila disiapkan kelak akan dapat meringkaskan kesesakan di lebuh raya berkenaan.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 17

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARI PAD A : Y.B. TUAN TENG BOON SOON
(TEBRAU)
TARIKH : 18.10.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN TENG BOON SOON [TEBRAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil serta mekanisme pemantau untuk menangani pergaduhan berkumpulan berciri pencerobohan kongsi gelap di kalangan murid dan pengajaran yang mencetuskan isu perkauman di kalangan guru.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memantau gejala salah laku murid terutamanya yang cenderung ke arah jenayah seperti pergaduhan berkumpulan yang berunsur kumpulan kongsi gelap atau pun gangsterisme.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pelajar yang terlibat adalah adalah kecil. Namun begitu, KPM menganggap masalah ini serius dan perlu dibendung di peringkat akar umbi agar gejala ini tidak meluas. KPM sentiasa bekerjasama dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) secara khusus bagi menangani masalah pergaduhan atau gangsterisme ini. Walau bagaimanapun, bagi kes-kes yang berlaku dalam kawasan sekolah akan diambil tindakan oleh pihak sekolah mengikut Peraturan Disiplin 1957 yang memberi kuasa penuh kepada pengetua dan guru besar untuk menjatuhkan hukuman terhadap murid. Selain daripada penguatkuasaan disiplin, pelbagai pendekatan telah dtambah bagi

bagi membentaras gejala tidak sihat ini menerusi usaha pencegahan dan pemulihan, antaranya:

- i. penerapan nilai-nilai niurni menerusi pengajaran dan pembelajaran *fp&F* dalam bilik darjah. Murid-murid sering diperingatkan mengenai kebfiuhan kegiatan tersebut menerusi perhimpunan o'i;.eko!;-E c;
- ii. ceramah-ceramah khas mengenai keburukan kegiatan tersebut dengan melibatkan pihak polls dan mengingatkan inereka secara berterusan menerusi perhimpunan mingguan di sekolah. Di samping itu, Kelab Pencegahan Jenayah (KPJ) telah ditubuhkan di sekolah dengan kerjasama Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF). KPM sentiasa menjalinkan kerjasama erat bersama pihak PDRM khususnya menerusi program Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) yang sering melawat serta berbincang dengan pihak sekolah bagi mengatasi gejala tersebut;
- iii. perkhidmatan kaunseling di sekolah yang dikenalpasti akan dilakukan secara lebih berfokus kepada permasalahan sosial pelajar. Hukuman keras seperti rotan dan buang sekolah akan dikenakan sebagai usaha akhir bagi menjaga ketenteraman sekolah;
- iv. bagi murid-murid yang dikesan terlibat dengan kegiatan tersebut, pihak sekolah akan menyiasat sejauh mana penglibatan mereka dan dalam kes-kes tertentu bantuan dan pandangan daripada pihak polis akan diminta; dan
- v. sekiranya mu rid yang terlibat itu mempunyai latar belakang daripada keluarga yang bermasalah, maka kes ini akan dirujuk terus kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk tindakan selanjutnya. Walau bagaimanapun, KPM berpandangan ibu bapa dan masyarakat

sekeliling juga memainkan peranan penting bagi membantu mengekang gejala negatif ini daripada menular.

PEMBERITAHUAN PiiTMEWmi
mm iagmt, mmaysia

PERTANYAA
N

LISAN

IjAMPAirfA

V.O. iWuJ 11ESA KOK SUH SIM
(SEPUTEH)

TAR I KM

18 OCTOBER 2010 (ISNIN)

SOALAN

YM. TtiKiSa GC@IIC SUH SIM (SiPOTIIKli minta MENTERI
PERPKME^M @/^W GCiEpyra TEMPMfAM menyatakan kenapakah
Kementerian masih belum mengeluarkan 'peraturan' (*regulations*) bagi
Building and Common Property (Maintenance and Management) Act 2007
(Akta 663) mengikut Seksyen 42 Akta ini untuk dijadikan garis panduan
kepada COB, JI¥IB dan pemaju.

mwihpm >

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan CKPKT) sedang mengkaji untuk meminda keseluruhan
Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan)
2007 [Akta 663! dan dijangka dibawa untuk kelulusan Parlimen pada
persidangan akan datang. Reraturan-peraturan berkaitan Akta 663 akan
disediakan setelali pindaan akta ini diluluskan.

Buat sementara ini, bagi membantu urusan pentadbiran di peringkat COB dan Badan Pengurusan, KPKT telah pun mengedarkan Garis Panduan Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 [Akta 663] kepada semua COB dan Badan Pengurusan sebagai panduan untuk pelbagai aspek penyenggaraan dan pengurusan rumah-rumah dan bangunan berstrata.

Kementerian Perumahan
dan kerajaan Tempatan
Oktober 2010

E E||BE MLLiW 'QMiiML MWAtl.. MMM

re[rrAbff/iMJ : f i\$m
LALY -U»A : YJcL ye LLN LiAHG YYYL *\$m.m*
^mpmm penggapj)
TAFciiKH : ISJOiYOiO

SOALAN:

Y.B. TUAN LIANG TEGK MENG [SSBiPAMG REMGGA51 1 minta Menteri Pelajaran menyatakan status terkini perbincangan bagi memansuhkan peperiksaan UPSR dan PMR. Adakah Kementerian mempunyai rancangan-rancangan tertentu agar ujian/peperiksaan yang dijalankan di peringkat sekolah mempunyai kualiti dan sahih sekiranya dua peperiksaan ini dimansuhkan.

JAWAPAM

[A, ...;ui~:,YY; 7^

Tuan Yang DiPertua,

Cadangan pemansuhan UPSR dan PMR adalah atas kesedaran Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bahawa sistem pendidikan sekarang sering dilabel sebagai terlalu berfokus kepada peperiksaan dan tidak holistik. Sehubungan itu, selain daripada pengumpulan data melalui media perdana dan media atas talian, KPM telah menganjurkan tiga sesi Persidangan Meja Bulat iaitu pada 19 dan 27 Julai serta pada 24 September 2010. Persidangan pertama telah dapat mengumpulkan maklum balas daripada warga pendidik, sementara dalam sesi kedua pada 27 Julai 2010 pula, KPM telah berjaya mengumpulkan input daripada orang awam yang diwakili oleh Pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), aktivis masyarakat, tokoh-tokoh pendidikan, tokoh-tokoh politik, ibu bapa dan pelajar.

Dapatan daripada kedua-dua persidangan meja bulat serta analisis maklum balas daripada media cetak, media elektronik termasuk surat, sistem pesanan ringkas dan e-mel telah dirumuskan dan hasilnya dijadikan agenda pada Persidangan Meja Bulat kali ke-3 pada 24 September 2010.

Rumusan keseluruhan daripada perbincangan meja bulat serta dapatan-dapatan yang lain telah digunakan oleh KPM untuk memutuskan bahawa mulai tahun 2016, peperiksaan UPSR akan diteruskan dengan melakukan penambahbaikan terhadap sistem penilaian tersebut. Manakala bagi PMR pula, akan digantikan dengan pentaksiran berasaskan sekolah.

Rjm 15

PEYYMYAM : LISAN

PAFiPADA : Tuan Fong Kni Lien [*BiMt KYfeti*]

TAYIKY : 18 OCTOBER 2010* (ISWIN)
SOALAN : Tuan Fong EYi UFI [Bukit Bilitan.ii I minta PERDANA
MENTERI menyatakan apakah Program ,* fionsformasi Nasional telah
menampakkan kesan ke atas rakyat sejak dilancarksi i> jika ada, apakah bidang-
bidangnya dan bagaimanakah perubahan sikap kakitangan a warn terhadap tugas
dan peranan masing-masing bagi merealisasikan program ini.

JAWAPA^: (YB Senator Tan Sri Koh Tsu Koon)

Program Transformasi Kerajaan atau *Government Transformation Program* (GTP) dengan menggunakan kaedah makmal atau "labs" dan *Key Performance Indicators* (KPI) merupakan kaedah pengurusan prestasi yang baru dan berkesan untuk pembaharuan jentera kerajaan dan merealisasikan komitmen kerajaan supaya "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan," mengikut Gagasan 1 Malaysia yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri. Tujuannya adalah untuk mencapai Wawasan Negara supaya Malaysia menjadi sebuah negara maju yang bersatupadu, aman dan berpendapatan tinggi.

Enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Nasional atau *National Key Results Areas* (NKRA) telah dikenalpasti dan giat dilaksanakan di bawah pemacuan Menteri- menteri peneraju yang disokong oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkenaan sejak bulan Januari 2010 berdasarkan hasrat dan pandangan rakyat mengikut kajian dan maklumbalas. Enam (6) NKRA ini ialah mengurangkan jenayah, membanteras rasuah, mempertingkatkan pencapaian pelajar, mempertingkatkan taraf kehidupan isirumah berpendapatan rendah, mempertingkatkan pengangkutan a warn bandar dan mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar.

Pelaksanaan GTP telah mulai menyampaikan kesan-kesan positifnya

[A, ...;ui~:„YY; 7^

mengikuti enam (6) NKRA secara spesifik. Kesan-kesan positif ini dapat dirumuskan mengikuti KPI-KPI atau angka-angka yang telah dilaporkan dari masa ke masa oleh Menteri Peneraju atau pegawai kanan yang berkenaan melalui media massa.

Sebagai satu contoh, di bawah NKRA untuk mengurangkan jenayah, lebih daripada 14,000 anggota polis telah ditugaskan semula (*redeployed*) bersama dengan lebih daripada 3,000 anggota RELA dan Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) untuk meningkatkan rondaan dan tindakan mencegah jenayah dalam 50 kawasan tumpuan atau "*hot spots*." Skim Rondaan Sukarela (SRS) di bawah Rukun Tetangga juga sedang dimobilisasikan. Hasilnya, sehingga bulan September tahun ini berbanding tempoh sama pada tahun lepas, kadar jenayah indeks telah menurun 16 peratus pada keseluruhannya dan kadar jenayah jalanan yang merangkumi ragut dan rompakan tanpa senjata menurun sebanyak 38.2 peratus. Sebagai perbandingan, apabila inisiatif yang sama dilaksanakan di bawah pimpinan Tony Blair, Kerajaan British hanya dapat mulai mengurangkan jenayah selepas tempoh dua (2) tahun.

Pada amnya, pelaksanaan GTP bersama-sama dengan Pakej Perangsang Ekonomi dan beberapa langkah yang lain setakat ini telah berjaya meningkatkan keberkesanan dan kecekapan jentera pentadbiran, memulih persepsi dan keyakinan awam serta merangsang pertumbuhan ekonomi Negara. Hakikatnya, kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia telah mencatat 9.5 peratus bagi separuh tahun pertama ini yang merupakan yang paling tinggi sekali dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini.

Kombinasi langkah-langkah kerajaan ini bersama-sama dengan inisiatif dan usaha sektor swasta telah juga memberi sumbangan terhadap lonjakan kedudukan Malaysia dalam daya saing sedunia, mengikut *World Competitiveness Yearbook* (WCY) dari tangga 10 |»ada tahun lepas ke tangga 10 pada tahun ini. Peningkatan Malaysia dalam dua (2) daripada empat (4) kategori daya saing adalah amat menggalakkan iaitu, kecekapan kerajaan (*government efficiency*) dari tangga 'A ke tangga 9, 'lan kecekapan perniagaan (*business efficiency*) dari tangga 10 ke tangga 4.

Sememangnya, sambutan dan prestasi para penjawat awam adalah menggalakkan. Bagi mereka yang terlibat secara langsung dalam makmal-makmal NKRA, MKRA dan lain-lain, perubahan dan penambahbaikan dari segi kemahiran pengurusan, bahkan dari segi sikap, komitmen, motivasi dan perasaan yakin diri adalah amat ternyata. Pelaksanaan NKRA dan MKRA telah juga melibatkan ramai penjawat awam di kementerian-kementerian dan agensi-agensinya yang berkenaan. Semangat dan pendekatan baru ini juga mulai disemarakkan ke peringkat akar umbi, atau "*rank and file*," khasnya di kalangan anggota polis dan guru bagi NKRA mengurangkan jenayah dan NKRA meningkatkan kualiti pendidikan.

Walau bagaimanapun, sebarang transformasi memerlukan masa, khasnya yang melibatkan perubahan minda, cara mengurus dan budaya kerja. Usaha gigih memang akan terus dipertingkatkan. Dalam hal ini, Kerajaan memerlukan dan mengalu-alukan maklumbalas, kritikan yang membina, kerjasama, sokongan dan sumbangan dari semua pihak supaya langkah-

JMMPAM:

langkah positif ini dapat terus dilaksanakan untuk mempertingkatkan kualiti penyampaian dan mencapai hasil-hasil yang besar dan berkesan bagi rakyat dalam tempoh masa yang terdekat ini.

NO. AUM ^ NO. AUP :

2- 1

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' HAJI ISMAIL BIN HJ. ABD. MUTTALIB [MARAN] 18.10.10
TARIKH	3216
RUJUKAN	

SOALAN:
Dato' Haji Ismail Bin Hj. Abd. Muttalib [Maran] PERDANA MENTERI menyatakan kebelakangan ini banyak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang terlibat dalam pelbagai perkara yang menyentuh sensitiviti kaum mahupun Perlembagaan Negara. Berapakah Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar sehingga kini dan apakah langkah pihak Kerajaan dalam menangani isu yang melibatkan NGO tersebut.

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA : Y.B. TUAN WONG HO LENG
(SIBU)

TARIKH : 18 OKTOBER 2010 (ISNIN)

SOALAN:

Y.B. TUAN WONG HO LENG (SIBU) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan berapa jumlah peruntukan yang telah diagihkan untuk memperbaiki keadaan jalan di Sibu bagi 5 tahun yang lalu memandangkan keadaan jalan di Sibu sungguh teruk, tidak rata, beralun dan berliku.

JAW# AM:

'Ft san Yang Di-Prtua;

I fnf.uk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian KerjYi Raya sememaE'tyrs'/a i nengambil maklum mengenai kualiti Jalan FYrsekutuan di Sibu yang tidak rata dsn snenimbulkan rungutan penyguFfci jalan KYadaan ini disebabkan oleh struktur lapisan jalan telah lemah berikutan peningkatan trafik, khususnya bilangan kenderaan-kenderaan berat melebihi had muatan yang melalui jalan tersebut.

Untuk tempoh dari tahun 2005 hingga 2009 sahaja, Kementerian Kerja Raya telah membelanjakan peruntukan sebanyak 67.1 juta bagi kerja-kerja menaik taraf dan menyelenggara Jalan Persekutuan di Sibu. Manakala bagi tahun 2010, sebanyak RM5.5 juta telah diperuntukkan untuk tujuan tersebut. Di antara kerja-kerja pembaikan yang dijalankan di Jalan persekutuan di Sibu ialah turapan CIPR (*Cold In-Place Recycling*) bags menguatkan struktur jalan, penurapan semula (*resurfacing*) dan kerja-kerja penyelenggaraan rutin, seperti penampalan *pothole*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah mencadangkan kepada Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri bagi melaksanakan projek menaik taraf JaSan Sibu - Bintulu, KM18 hingga KM30 dalam Rancangan Malaysia KesepuSuli (RMKe-10). Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini tertakluk kepada kelulusan dan siling peruntukan disediakan oleh Agensi Pusat berkenaan.

SOALAN NO: 23

PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

JAWAB LISAN

DARIPADA

TUAN SIVARASA A/L RASIAH
[SUBANG]

TARIKH

18 OKTOBER 2010 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [Subang] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan memandangkan Kerajaan Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat telah menggubal satu Enakmen Pembebasan Maklumat (*Freedom of Information Enactment*) dalam sidang DUN Selangor yang lepas, sama ada Kerajaan Persekutuan bercadang membuat undang-undang yang sama di Parlimen.

JAWAPAN:

Sehingga kini akta dan undang-undang yang berkaitan dengan hak rakyat untuk mendapatkan maklumat belum pernah dibincangkan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, hak rakyat untuk mendapatkan maklumat adalah terjamin. Pelaksanaan Gagasan 1 Malaysia yang lebih telus dan terbuka misalnya, telah memberi peluang dan ruang kepada rakyat untuk mendapatkan sebarang maklumat yang diperlukan selagi ia tidak menyalahi undang-undang dan akta yang telah digariskan pada

SOMAMINIO^ 23

sekarevhp. Kerajaan berpendapat akb; u;an peraturan sedia auc:
eudaii memactei untufc rtiembohksn rskyat mendapat maklumat.

SULIT

No: 24

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR

[JERAI - PAS]

TARIKH 18 OKTOBER 2010 (ISNIN)

SOALAN NO. 24

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai - PAS] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan rasionalnya hasrat Kementerian menganjurkan Sukma pada setiap tahun dan kesannya kepada Kerajaan Negeri dan atlet-atlet Sukma.

JAWAPAN

1. Penganjuran Sukan Malaysia pada setiap tahun ialah bagi memastikan pembangunan sukan negara dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Ia secara langsung akan dapat memastikan semua persatuan sentiasa aktif melaksanakan program-program pembangunan bagi persediaan atlet dan pasukan masing-masing. Sukan Malaysia ini juga merupakan platform terbaik untuk mengenal pasti atlet-atlet berbakat dan berpotensi untuk dilatih ke arah program yang lebih tinggi.
2. Tuan rumah atau Kerajaan Negeri dijangka tidak mempunyai masalah besar dalam menganjurkan Sukan Malaysia memandangkan hampir semua negeri mempunyai kemudahan sukan yang asas dan pernah menjadi tuan rumah. Selain itu, tuan rumah telah ditetapkan untuk menganjurkan hanya 24 jenis sukan berbanding sebelum ini iaitu Sukan Malaysia Terengganu 2008 (31 sukan) dan Melaka 2010 (33 sukan), sekali gus dapat mengurangkan kos perbelanjaan Kerajaan Negeri dalam penganjuran kejohanan ini.

SULIT I

SGALAIM P,U-;

PEMgRgTAHUAPI PERTAMYAAM__PEWAM RAETyAT

PvY^TAPYAAP : PJ8AP
DAPPADA : Y.L3. TUAP *UM UP WMCd*
(SEGAHBUT)
TARIKH : 18 OKTOBER 2010 (SSNIM)

8 ©ALAN:

Y.EL TUAW *UM* LIP ENG fSEGAHBUT) minta GiEMTERI & CERJA RAYA menyatakan jjumlah keseluruhan kos projek Istana Negara baru termasuk pembinaan susur jalan masuk dan keluar yang baru, pembelian peralatan pejabat dan perkakas-perkakas perabot dan juga kos bulanan untuk menyelenggarakan Istana Negara setelah projek tersebut siap dibina kelak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kos kontrak bagi pembinaan Kompleks Istana Negara di Jalan Duta, Kuala Lumpur dengan keluasan lantai 100,000 meter persegi (atau lebih kurang 1 juta kaki persegi) telah ditetapkan sebanyak RM650 juta. Walau bagaimanapun, kos ini tidak melibatkan beberapa skop komponen projek yang sepatutnya diambil kira untuk melengkapkan keseluruhan istana tersebut. Sehubungan itu, Kerajaan telah bersetuju meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM147 juta menjadikan kos keseluruhan projek pembinaan Kompleks Istana Negara ini adalah sebanyak RM797 juta. Tambahan peruntukan ini diperlukan bagi

